

Newspaper	Mingguan Malaysia
Date	4 October 2015

# Pelabur asing berpeluang meraih manfaat besar melabur di Malaysia

Mingguan Malaysia 4/10/2015

**MILANO (ITALI) 3 Okt.** Pelabur asing berpeluang meraih manfaat yang amat besar melabur di Malaysia dengan menggunakan negara sebagai pintu masuk strategik bagi memanfaatkan potensi besar daripada penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata pelabur asing perlu "memikirkan Malaysia bukan sahaja sebagai destinasiya sendiri, tetapi juga pintu masuk ke ASEAN".

Berucap dalam majlis sambutan Hari Malaysia di Expo Milano 2015, di sini, pada Sabtu, beliau berkata, sebagai satu pasaran tunggal, ASEAN merupakan ekonomi ke-7 terbesar di dunia dengan pasaran pengguna berjumlah 625 juta penduduk dan gabungan keluaran dalam negara kasar (KDNK) lebih AS\$2 trilion (RM8.6 triliion).

Majlis anjuran Expo Milano itu juga dihadiri Menteri Alam Sekitar, Darat dan Laut Itali, Gian Luca Galletti, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

Malaysia merupakan sebuah daripada 147 negara yang menyertai pameran terbesar dunia berlangsung selama enam bulan itu yang dijadidkan lima tahun sekali. Ekspo tersebut yang bermula pada 1 Mei akan berakhir pada 30 Okt.

Sementara itu Najib, yang juga Pengerusi ASEAN berkata: "Ekonomi ekonomi ASEAN mencatatkan purata pertumbuhan tahunan lebih daripada lima peratus dan pendapatan per kapita pada purata AS\$3,800 (RM16,340), membawa kepada pengembangan kelas pertengahan dengan peningkatan pendapatan boleh guna.

Beliau berkata ASEAN sudahpun



PAVILION Malaysia yang mempamerkan pelbagai produk tempatan sempena Expo Milan 2015 menarik purata 15,000 pengunjung setakat ini. Ia berasaskan reka bentuk biji benih menggunakan teknologi tempatan 'Glulam' sebagai simbolik pertumbuhan negara berasaskan pertanian. - BERNAMA

menjadi tumpuan bagi pelaburan langsung asing dan merupakan pamacu ekonomi sedang pesat membangun bagi ekonomi global hari ini.

"Tetapi dianggarkan sekiranya perdagangan antara ASEAN melonjak daripada 24 peratus kepada 40 peratus, kesan kenaikan itu ke atas ekonomi ASEAN boleh jadi kira-kira AS\$2.5 trilion (RM10.75 trilion) setahun - satu pengembangan yang benar-benar luar biasa," kata Najib yang berada di sini sempena lawatan kerja selama tiga hari bermula Jumaat. Beliau berkata, perkumpulan serantau itu bakal menubuhkan AEC pada akhir tahun ini.

"Dan ia bertujuan untuk mewujudkan satu pasaran tunggal dan asas pengeluaran di ASEAN, dengan

wawasan yang lebih besar bagi menyepadukan lagi ekonomi rantau ini yang saiz penduduknya, gabungan KDNK dan aspirasi yang dikongsi bersama akan mewujudkan satu entiti yang berupaya bersaing dengan ekonomi terbesar dunia," katanya.

Beliau berkata AEC, bersama rangkaian Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN dengan rakan dialog seperti China, India, Jepun, Korea Selatan, Australia dan New Zealand, berfungsi sebagai insentif tokokan bagi permiaian untuk melabur di Malaysia.


"Prospek pertumbuhan malahan menjadi lebih menarik apabila Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau dan kemungkinan Perjanjian Perkongsian Trans Pashik kini semakin hampir dimuk-

tamadkan.

"Kedua-dua perjanjian ini akan mengukuhkan Malaysia sebagai pintu masuk ke pasaran yang malahan lebih besar dan cergas," katanya yang mempunyai jadual padat hari ini termasuk menghadiri persidangan meja bulat dengan ketua-ketua industri Itali.

Najib berkata Malaysia menyambut baik hubungan rapat dengan Itali dan Kesatuan Eropah sama ada menerusi hubungan rakyat kepada rakyat atau dalam perdagangan dan pelaburan.

Terdahulu Perdana Menteri melawat pavilion Emiriyah Arab Bersatu, Kazakhstan dan Itali di ekspo tersebut dan akan melancarkan Festival Makanan Malaysia di Pavilion Malaysia malam ini. - BERNAMA



MILANO 2015

NAJIB TUN RAZAK berucap dalam majlis sambutan Hari Malaysia anjuran Expo Milano ketika melawat Expo Milano 2015, semalam. - BERNAMA